

# Guru perlu bentuk peribadi murid

UM 14 NOV 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

**K**UALA LUMPUR 13 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu guru tidak terlalu menghadkan pengajaran ilmu akademik semata-mata, tetapi perlu menckankan sama pembentukan peribadi supaya murid mampu menghadapi cabaran hidup yang akan menentukan maju dan mundurnya bangsa.

Menurut Perdana Menteri, cabaran hidup kian mencabar dan jika murid tidak dilengkapi budaya rajin dan terus bersaing, negara ini mungkin akan ditindas oleh orang lain.

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan guru supaya tidak terperangkap dengan idea bahawa ada kalangan murid tidak mempunyai otak yang baik, hanya kerana dia tidak cekap dalam subjek tertentu.

Ini kerana, murid itu mungkin tidak mahir dalam sains atau matematik tetapi mcmiliki kecekapan lain, seperti seni lukis yang akan mcbantunya menjadi pelukis atau arkitek.

“Oleh itu sebagai guru, kita tahu ada murid yang rajin dan tidak begitu bijak tetapi mahu berusaha bersungguh-sungguh.

“Murid ini kemudian menjadi lebih pandai daripada yang mempunyai otak geliga tetapi tidak berusaha dan akhirnya menjadi murid yang bodoh,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Guru Perdana Cemerlang 2001 di sini hari ini.

Kira-kira 1,000 peserta menghadiri konvensyen selama tiga hari bermula Ahad lalu itu, yang bermatlamat mencorak semula visi dan misi guru cemerlang.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Ketua Nazir Sekolah, Datuk Abang Abd. Rahim Tahir dan Yang Dipertua Majlis Guru Cemerlang Malaysia, Fadzil Pak Wan.

Menurut Dr. Mahathir, yang penting dalam penguasaan ilmu bukan sekadar memiliki otak yang mudah memahami, tetapi ia juga terletak pada kesanggupan mempelajari secara berulang kali subjek berkenaan.

Tegasnya, apabila proses penguasaan ini dibuat, ia bukan sahaja memiliki ilmu itu, malah berkeupayaan menguasai ilmu lain yang lebih kompleks.

## Ketekunan

“Bangsa yang mempunyai nilai kerajinan, ketekunan dan kesanggupan untuk berusaha... jatuh, rebah dan kemudian bangun semula, akan maju.

“Bagi saya, semua kebolehan ada pada kita. Saya jumpa banyak orang putih yang bodoh begitu juga dengan pemimpin mereka. Sebab itu, amat penting sekali bagi kita membentuk budaya yang sesuai dengan penguasaan ilmu,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, rakyat Malaysia mempunyai peluang baik untuk mengejar kemajuan Barat sekarang ekoran keruntuhan

moral yang banyak di kalangan rakyat mereka.

Bagaimanapun, ia hanya dapat dicapai jika rakyat sanggup berusaha menguasai ilmu untuk menjadi bangsa yang maju.

“Oleh itu, kita perlu senaraikan ciri-ciri peribadi mulia yang mampu mencapai matlamat ini,” katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menarik perhatian mengenai kebimbangannya terhadap nilai dan budaya hidup yang kian merosot ketika ini.

“Di zaman dulu, kita tak dengar atau baca anak dan isteri membakar bapa sendiri tetapi sekarang macam-macam kes, ada bapa rogol anak sendiri, anak mengidap siflis akibat perbuatan rogol ayah kandung dan sebagainya.

“Ini contoh betapa nilai hidup yang kita tidak ambil berat akan kesan baik atau buruknya,” katanya.

Justeru, kata Perdana Menteri, amat penting bagi guru menerapkan nilai dan budaya murni di kalangan murid yang akhirnya akan menjadikan rakyat Malaysia bangsa yang tidak akan ditindas.

Tegas beliau: “Kenapa kita mampu sekarang. Ini kerana kita berusaha keras dan tiada sesiapa boleh kilas tangan kita.

“Perjuangan kita belum selesai, banyak lagi yang perlu dibuat supaya akhirnya kita menjadi bangsa yang tidak lagi dihina serta boleh berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain,” tegas beliau.